

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Sent: Wednesday, February 5, 2020 3:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SELUSURI SEJARAH KEGEMILANGAN TOKOH SUKAN KEDAH DI MUZIUM PENGURUSAN UUM



Perpustakaan
Sultanah Bahiyah
SULTANAH BAHYIAH LIBRARY
Universiti Utara Malaysia

05 FEBRUARY 2020 | 11 JAMADILAKHIR 1441H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg Tan Sri/Datuk Seri/Dato'/Prof./Prof. Madya/ Dr./Tuan/Puan,

SELUSURI SEJARAH KEGEMILANGAN TOKOH SUKAN KEDAH DI MUZIUM PENGURUSAN UUM

Disediakan oleh: Azniza Ahmad
Gambar oleh: Azniza Ahmad dan Muzium UUM



Sintok, 22 Januari 2020 – Satu pameran bertemakan Tokoh Sukan dari 1 November 2019 sehingga 30 Mac 2020 sedang diadakan di Muzium Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM). Pameran ini dibuka kepada orang ramai pada setiap hari bekerja bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Tiket lawatan adalah serendah RM 1.50 untuk pelajar dan kanak-kanak dan RM3.00 untuk orang dewasa.

Pameran ini adalah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada tiga tokoh sukan negara kelahiran negeri Kedah yang hebat dan berwibawa di arena tempatan mahupun

antarabangsa. Mereka adalah saudara Omar Saad, seorang tokoh dalam sukan lumba basikal, saudara Adnan Saidin, si raja libas dalam sukan sepak takraw dan saudara Roshidi Shaari iaitu penyerang lipas kudung dalam sukan bola sepak.

Menurut Encik Iznan Kasim, Penolong Kurator Muzium, pameran tokoh sukan ini diadakan adalah untuk memperingati jasa mereka yang telah banyak berkorban dari segi tenaga, masa dan usaha gigih untuk mengharumkan nama negara suatu ketika dahulu. Ujar beliau lagi "Inisiatif ini dilakukan supaya generasi sekarang kenal dan tahu bahawa negeri Kedah pernah melahirkan jaguh-jaguh sukan yang berprestasi cemerlang di peringkat antarabangsa di samping sebagai usaha agar nama veteran sukan ini tidak tenggelam begitu sahaja dari lipatan sejarah sukan Kedah mahupun Malaysia."

Pameran ini secara eksklusifnya membawa pengunjung mengimbas kembali sejarah kegemilangan mereka pada era tahun 1960an, 70an dan 80an serta komitmen mereka selepas bersara dalam memajukan industri sukan berkenaan sehingga kini. Tarikan utama pameran ini antaranya adalah koleksi piala, pingat, jersi, dan lengana yang pernah dimenangi ketika mewakili negara ke Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Selain itu, dikongsikan juga maklumat peribadi, kronologi penglibatan di dalam sukan, gambar kenangan detik-detik penting dalam pertandingan dan kejohanan sukan yang disertai oleh mereka.

Sejarah ini bukan sahaja dapat membantu mengingatkan pengunjung bahawa ada ramai tokoh atlet dari negeri Kedah tetapi turut membuktikan bahawa tokoh –tokoh ini memiliki semangat kental untuk bersaing dan berjuang di sukan terkemuka dunia di Sukan Olimpik Munich dalam acara lumba basikal seperti saudara Omar Saad. Begitu juga saudara Adnan Saidin pernah digelar "Raja Libas dan Raja Sepak Takraw Malaysia ". Manakala saudara Roshidi Shaari antara yang termuda yang pernah menyarung jersi kebangsaan untuk Pesta Bola Merdeka Malaysia Peringkat Asia suatu ketika dahulu. Walaubagaimanapun, Negeri Kedah pada hari ini dilihat masih kurang melahirkan jagoan sukan yang menjadi sebutan nasional dan antarabangsa di dalam arena lumba basikal ,sepak takraw mahupun bolasepak setaraf dengan tokoh tokoh sukan ini. Mungkin kerana pelbagai faktor seperti kekangan bajet, faktor insentif, dana tajaan dan lain-lain lagi. Oleh itu, satu mekanisme pembangunan atlet sukan yang efektif serta mampu memberi jaminan masa hadapan atlet juga mungkin perlu diteliti dengan lebih lanjut agar lebih ramai atlet dunia dapat dilahirkan di masa hadapan.

Pameran semasa tokoh-tokoh sukan negara ini bukan sahaja memberi peluang kepada kakitangan dan pelajar UUM untuk mengenali mereka dengan lebih dekat, tetapi juga dapat menarik minat pengunjung luar untuk berkunjung ke UUM melawati Muzium Pengurusan pertama di Malaysia ini.

Sekian,

DARIPADA:
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 04-928 3627
FAX: 04-928 3613
E-MAIL: uumlib@uum.edu.my
WEBSITE: <http://libray.uum.edu.my>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.